- 5) HLA MedGLOBAL IV 并非储蓄性保单,因此在退保或停保后是无任何现金值的。

**重要事项:** 此册子仅供简要说明而已,并非保险计划或保险合同的根据。欲知具体条款、规则和不受保事项,请索取一份本公司保单副本。此册子内含资料可在无预先通知下更改。若册子的国文和中文译本内容出现任何争议或含糊之处,将以英文版本为准。

## 检查清单

此检查清单旨在指引您如何针对医药和保健保险(MHI)保单的必要特点征求说明,以便您可以在购买保单之前作出知情决定。若有疑问,或是有不明之处,您应向您的保险公司或代理征求进一步澄清/资讯。

- 1) 由马来西亚国家银行发出有关医药和保健保险(MHI)基本事项的"医药和保健保险产品入门"手册。



- 2) 载述所购买保单的重要特点细节的保单文件。
- 3) 同时也有途径获取有关保单重要特点细节。
- 4) 保单应付的赔偿。
- 5) 重要医药或技术性不受保事项或限制。
- 6) 赔偿限制(譬如, 保单保障的费用百分比、共付费用、总费用索赔的最高限制以及可扣除数额)。
- 7) 应付保费数额以及应付期限。
- 8) 保险公司针对应付保费进行复查和修改的权利性质和范围, 以及在进行任何修改时, 保险公司所应给予的通知。
- 9) 原先存在的疾病、指定疾病以及合格时期和适用的相关时期。
- 10) 若是属于每年续保的保单, 续保是否受保证。
- 11) 可导致以下续保情形的可能性情况:
  - a) 以平准保费续保;
  - b) 以增加保费续保; 或是
  - c) 不续保。
- 12) 从一家保险公司的保单转换至另一家公司, 或是从一种医药和保健保险(MHI)计划转换至另一种医药和保健保险(MHI)计划, 所极有可能带来的影响。
- 13) 为期15天的"免费阅览期"供复查评估新购买的医药和保健保险(MHI)产品。若产品在此期间退还给保险公司, 在扣除医药检查费用之后, 投保人将获归还全部保费。
- 14) 若您没有披露可影响保险公司针对是否接受风险以及您的保费和条款作出决定的相关资讯时, 保险公司拒绝承担责任的权利。



# HLA MedGLOBAL IV



## “Mencegah Lebih Baik daripada Mengubat...”

Biarpun ada kebenaran dalam pepatah ini, sudah menjadi lumrah kehidupan untuk seseorang itu jatuh sakit pada bila-bila masa, meskipun ia tidak diinginkan. Sekiranya anda ditimpa sesuatu penyakit yang berpanjangan, kos perubatan yang tinggi hari ini mungkin membebankan anda. Bagaimanapun, dengan perancangan yang teliti, kos perubatan yang semakin tinggi boleh dielakkan untuk mengurangkan kebimbangan anda dan memberi ketenangan minda kepada anda dan mereka yang tersayang. HLA MedGLOBAL IV bertujuan untuk menjaga kesejahteraan anda.

HLA MedGLOBAL IV merupakan pelan perubatan hospital dan pembedahan global komprehensif yang memberi anda kebebasan untuk memilih tahap perlindungan yang paling optimum dan mampu ditanggung demi keselamatan anda, di mana jua anda berada.

Dengan keistimewaan perlindungan di serata dunia, prosedur kemasukan hospital dan penjelasan bil yang mudah serta akses bantuan 24 jam untuk menjaga kesejahteraan anda, kini anda boleh menikmati ketenangan minda mengetahui anda sentiasa dilindungi, pada setiap masa.



## Ciri-ciri

- 1) Pelan Penjagaan Kesihatan yang Lengkap**  
HLA MedGLOBAL IV menawarkan 4 pelan menarik untuk anda, dengan pelan terendah Pelan 150 dan pelan tertinggi Pelan 400 bagi memastikan anda sentiasa menikmati perlindungan yang mencukupi.
- 2) Had Tahunan yang Tinggi**  
HLA MedGLOBAL IV menawarkan had tahunan yang tinggi untuk memastikan anda sentiasa dilindungi.
- 3) Had Hayat yang Tinggi**  
Dengan HLA MedGLOBAL IV, anda menikmati had hayat yang tinggi, justeru memastikan anda menikmati lindungan sehingga penggunaan sepenuhnya had hayat anda.
- 4) Perlindungan di Seluruh Dunia**  
Anda akan dilindungi 24 jam sehari, 7 hari seminggu, di mana jua anda berada (Sila rujuk kepada Pengecualian).

## 5) Perkhidmatan Bantuan Perubatan & Kecemasan 24 Jam

Kami telah memeterai kontrak dengan sebuah Organisasi Pengurusan Kesihatan (“Managed Care Organisation”) untuk memberi bantuan 24 jam bagi:

- a) Kemudahan kemasukan ke Hospital Panel<sup>1</sup> di dalam Malaysia, tertakluk kepada Pra-Pengesahan keadaan yang anda hidapi. Pra-Pengesahan ini memerlukan pengesahan penyakit anda dan hendaklah memenuhi kriteria berikut:
  - Keadaan atau penyakit yang memerlukan rawatan adalah termasuk di dalam perlindungan polisi.
  - Rawatan yang diperlukan adalah pilihan terbaik untuk anda dan memenuhi semua amalan dan protokol perubatan standard.
  - Anda mungkin dikehendaki membayar sedikit deposit kepada pihak Hospital.
- b) Penjelasan bil Hospital yang telah disahkan apabila keluar dari Hospital<sup>1</sup>.
- c) Bantuan Domestik sekiranya anda berada lebih 100km dari kediaman anda.
- d) Bantuan Antarabangsa sekiranya anda berada di luar negara.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat Bantuan Kecemasan<sup>2</sup> (Emergency Assistance Company) termasuk: rujukan perubatan, pemindahan kecemasan atau repatriasi ketika dalam keadaan yang boleh mengancam nyawa.

<sup>1</sup> Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada kelayakan, had faedah opsyen anda dan suatu tempoh menunggu selama 3 bulan selepas pengeluaran polisi.

<sup>2</sup> Perkhidmatan-perkhidmatan ini bukan faedah terjamin dan ianya akan ditinjau semula dari masa ke semasa.

## Ringkasan Faedah

Keterangan tentang faedah-faedah perlindungan adalah terperinci di dalam kontrak polisi. Kami berhak untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini dengan memberi notis 30 hari sebelum pindaan dilakukan dan pindaan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh pembaharuan polisi yang berikut.

## Kelayakan

Rakyat Malaysia yang sihat, berumur di antara 1 bulan dan 60 tahun layak memohon. Polisi anda boleh diperbaharui sehingga umur 85 tahun.

## Penguatkuasaan Perlindungan

Perlindungan akan berkuatkuasa secara serta-merta untuk kemasukan Hospital dan Pembedahan yang timbul daripada kemalangan. Untuk semua punca yang lain, ia hanya akan berkuatkuasa bermula daripada 30 hari selepas penerimaan risiko.

## Premium

- 1) Premium yang anda bayar adalah berasaskan Jadual Premium Tahunan. Premium adalah dicaj berdasarkan umur tercapai, keadaan kesihatan, pekerjaan dan faktor-faktor lain yang berkenaan, serta yuran pengurusan bagi menyelenggarakan kelas insurans ini. Anda boleh rujuk kepada Jadual Premium Tahunan untuk premium-premium yang berdasarkan kepada kelas pekerjaan I dan II. Premium tambahan mungkin dikenakan untuk sifat-sifat perubatan buruk atau untuk sebarang pendedahan pekerjaan atau wilayah yang luar biasa.
- 2) Premium anda di tahun-tahun akan datang akan meningkat mengikut Peringkat Umur. Secara amnya, premium akan meningkat apabila usia anda meningkat.
- 3) Sekiranya anda gagal membayar premium pada tarikh yang ditentukan, polisi anda akan ditamatkan secara automatik. Kami akan mengingatkan anda sebelum tempoh tamat tetapi kami tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap pembayaran yang tidak dibuat.
- 4) Premium mungkin disemak kembali di masa hadapan kerana kadarnya tidak dijamin. Sekiranya kami perlu mengubahnya, perubahan ini akan berpandukan kepada pertamanya pengalaman tuntutan-tuntutan yang pernah anda buat dan keduanya, faktor pengalaman tuntutan oleh seluruh portfolio perniagaan secara keseluruhannya.
- 5) Sebarang semakan kembali premium hanya akan dilakukan pada ulangtahun polisi. Kami akan memberikan notis secara bertulis sekurang-kurangnya 90 hari sebelum sebarang pindaan dibuat. Walau bagaimanapun, kenaikan premium pada masa-masa sebelum ini tidak semestinya menggambarkan arah alirannya pada masa hadapan.

## Pembaharuan

Pembaharuan adalah pilihan pemilik polisi pada setiap tarikh ulang tahun polisi sehingga mencapai umur 85 tahun pada kadar premium yang berkuatkuasa pada masa pembaharuan dan tertakluk kepada terma syarat-syarat dan penamatan. Premium pembaharuan mungkin dicaj mengikut:

- 1) Skala asal jika persekitaran semasa (nisbah tuntutan, kadar inflasi dsb) berterusan; atau
- 2) Skala lebih tinggi berbanding jadual premium asal jika persekitaran semasa merosot, iaitu peningkatan dalam nisbah tuntutan, inflasi tinggi, kenaikan kos perubatan, dll atau



- 3) Pelan tidak diperbaharui mengikut syarat Penarikan Balik Portfolio seperti yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

Senario di atas bukanlah menyeluruh dan kadar premium mungkin dikaji semula di bawah keadaan-keadaan munasabah.

### **Tempoh Bertenang**

Jika polisi ini termasuk pelan ini telah dikeluarkan dan atas apa-apa alasan, anda membuat keputusan untuk tidak mengambil polisi itu, anda boleh mengembalikan polisi itu kepada kami untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penyerahan polisi. Anda layak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh kami untuk mengeluarkan polisi tersebut.

### **Pembatalan**

Pelan ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami; dan jika tiada tuntutan dibuat pada tahun polisi semasa, pemilik polisi layak untuk menerima kembali premium seperti yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

### **Tuntutan**

Anda perlu memberi notis secara bertulis kepada Hong Leong Assurance Berhad mengenai perkara yang diinsuranskan di bawah pelan ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh berlaku atau bermulanya diagnosis, Penghospitalan atau Surgeri (yang mana terdahulu).

### **Peralihan Polisi**

Sila ambil perhatian bahawa terdapat implikasi yang akan menjejaskan aplikasi insurans kesihatan anda jika anda beralih dari satu pelan kesihatan ke pelan kesihatan yang lain ataupun daripada syarikat insurans lain kepada Hong Leong Assurance Berhad.

### **Pelepasan Cukai**

Pelan ini mungkin melayakkan anda untuk tuntutan pelepasan cukai dibawah insurans pendidikan dan perubatan sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

### **Pengecualian**

Pelan ini tidak melindungi sebarang kemasukan Hospital, Pembedahan atau caj- caj yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, yang diakibatkan oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- 1) Penyakit Pra-wujud.

- 2) Penyakit Tertentu yang ditetapkan yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama bagi perlindungan berterusan.
- 3) Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula bagi Hayat yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang terkemudian kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
- 4) Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- 5) Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
- 6) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV dan apa-apa Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- 7) Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- 8) Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.
- 9) Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
- 10) Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau Kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.



- 11) Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.
- 12) Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
- 13) Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Hayat yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya.
- 14) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.
- 15) Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Hayat yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
- 16) Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- 17) Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
- 18) Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
- 19) Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- 20) Belanja yang ditanggung untuk menukar jantung.
- 21) Rawatan perubatan yang diberi di luar Malaysia kepada seorang Hayat yang Diinsuranskan yang bukan seorang warganegara Malaysia.
- 22) Rawatan perubatan yang diberi di luar Malaysia kepada seorang Hayat yang Diinsuranskan yang kebiasaannya tidak menetap di Malaysia.
- 23) Rawatan perubatan yang diberi di luar Malaysia kepada seorang Hayat yang Diinsuranskan yang tinggal atau melancong di luar Malaysia melebihi 90 hari secara berterusan.

- 24) Rawatan perubatan yang diberi di mana-mana negara (selain daripada Malaysia) kepada Hayat yang Diinsuranskan di mana Hayat yang Diinsuranskan seorang penduduk kekal di negara tersebut.
- 25) Rawatan perubatan yang diberi di luar Malaysia kepada Hayat yang Diinsuranskan yang meneruskan pelajaran di luar Malaysia.
- 26) Rawatan perubatan yang diberi di luar Malaysia kepada Hayat yang Diinsuranskan yang menjalankan pekerjaan (samaada sementara atau sebaliknya) di luar Malaysia melainkan notis bagi pekerjaan di luar Malaysia tersebut telah diberi kepada Syarikat dan dengan syarat bahawa Syarikat meluluskan perkara yang sama tertakluk kepada terma dan syarat yang mungkin ditetapkan dan seterusnya dikuatkuasakan oleh Syarikat.

## Rawatan di Luar Negara

Jika Hayat yang Diinsuranskan ingin mendapatkan rawatan luar negara, faedah berkaitan rawatan hendaklah dilindungi tertakluk kepada pengecualian, had dan syarat yang ditetapkan dalam polisi ini dan semua faedah akan dibayar berdasarkan kadar pertukaran mata wang rasmi yang disebut oleh Maybank Berhad pada hari terakhir tempoh dimasukkan ke Hospital dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan disediakan:

- 1) Hayat yang Dinsuranskan yang pergi ke luar negara atas sebab selain mendapatkan rawatan perubatan, perlu dimasukkan ke Hospital di luar Malaysia kerana kecemasan perubatan
- 2) Hayat yang Diinsuranskan, atas syor Pakar Perubatan dan perlu dipindahkan ke Hospital di luar Malaysia disebabkan oleh jenis yang khusus bagi rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan yang dikehendaki tidak boleh diberikan atau disediakan atau diambil di Malaysia.

Rawatan luar negara bagi Penyakit, Sakit atau Kecederaan yang didiagnosis di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau kronik yang rawatannya boleh ditanggunghkan sewajarnya hingga pulang ke Malaysia dikecualikan.

Pelan Bakal	MGIV 150 (RM)	MGIV 200 (RM)	MGIV 300 (RM)	MGIV 400 (RM)
<b>Hospital &amp; Pembedahan</b>				
Bilik Hospital dan Makan (hingga 150 hari untuk Mana-mana Satu Hilang Upaya)	150	200	300	400
Tunai Harian penghospitalan disebabkan oleh Kemalangan Jalan Raya di Lebuhraya Malaysia <sup>3</sup> (hingga 150 hari untuk Mana-mana Satu Hilang Upaya)	150	200	300	400
Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (hingga 60 hari untuk Mana-mana Satu Hilang Upaya)	50	100	150	200
Unit Rawatan Rapi (hingga 75 hari untuk Mana-mana Satu Hilang Upaya)	Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan <sup>4</sup>			
Perbelanjaan Penginap (hingga 150 hari untuk Mana-mana Satu Hilang Upaya)				
Bekalan dan Khidmat Hospital				
Bayaran Pembedahan				
Bayaran Pakar Bius				
Bilik Bedah				
Lawatan Pakar Perubatan dalam Hospital				
Yuran Rawatan Fisioterapi dalam Hospital				
Ujian Diagnostik Prahospital (dalam tempoh 60 hari sebelum penghospitalan)				
Rundingan Pakar Prahospital (dalam tempoh 60 hari sebelum penghospitalan)				
Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari selepas keluar dari hospital)				

Pelan Bakal	MGIV 150 (RM)	MGIV 200 (RM)	MGIV 300 (RM)	MGIV 400 (RM)
<b>Hospital &amp; Pembedahan</b>				
Transplan Organ	Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan <sup>4</sup>			
Pembedahan Harian				
Bayaran Ambulans				
Cukai Perkhidmatan Kerajaan	5% dari Faedah Bilik Hospital dan Makan			
<b>Faedah Rawatan Pesakit Luar</b>				
Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan (dalam tempoh 30 hari berikutan rawatan kecemasan sedemikian)	Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan <sup>4</sup>			
Rawatan Pergigian bagi kemalangan dan kecemasan				
Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar				
Rawatan Kanser Pesakit Luar				
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar				
Penjagaan Kejurawatan di Rumah (hingga 180 hari untuk sepanjang hayat)	40	60	80	100
Had Tahunan Keseluruhan (setiap tahun polisi)	75,000	120,000	180,000	240,000
Had Tempoh Terkumpul	300,000	600,000	900,000	1,200,000
Perkhidmatan Bantuan Perubatan & Kecemasan (Had setiap kejadian)	150,000	150,000	150,000	150,000

<sup>3</sup> Lebuhraya Malaysia bermaksud Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Pantai-Timur, seperti yang disenaraikan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

<sup>4</sup> Sila rujuk kepada definisi “Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan” seperti disenaraikan dibawah.

## Jadual Premium Tahunan – Pelan Asas Tradisional

Kelas Pekerjaan I dan II, berdasarkan hari jadi lepas

Umur Tercapai (Tahun)	MGIV 150 (RM)	MGIV 200 (RM)	MGIV 300 (RM)	MGIV 400 (RM)
<b>Lelaki</b>				
0 – 4	882.72	1,137.28	1,533.60	1,900.16
5 – 19	685.51	879.99	1,177.20	1,453.47
20 – 25	611.48	785.07	1,056.58	1,308.06
26 – 30	662.67	847.39	1,143.37	1,414.88
31 – 35	718.31	918.60	1,236.84	1,530.60
36 – 40	805.86	1,037.28	1,395.32	1,727.97
41 – 45	880.76	1,127.79	1,526.15	1,888.90
46 – 50	1,096.64	1,412.65	1,906.70	2,367.37
51 – 55	1,704.19	2,193.79	2,974.92	3,693.74
56 – 60	2,086.96	2,685.61	3,640.33	4,519.39
61 – 65*	2,743.54	3,532.04	4,786.19	5,946.98
66 – 70*	4,275.84	5,484.16	7,518.35	9,345.57
71 – 80*	7,668.94	9,842.27	13,500.62	16,783.78
81 – 85*	11,937.38	15,324.70	21,005.84	26,117.52
<b>Perempuan</b>				
0 – 4	882.72	1,137.28	1,533.60	1,900.16
5 – 19	685.51	879.78	1,176.98	1,453.25
20 – 25	678.53	870.83	1,164.54	1,437.98
26 – 30	736.65	947.39	1,266.16	1,568.53
31 – 35	814.48	1,044.47	1,404.93	1,740.77
36 – 40	928.04	1,185.06	1,592.56	1,973.68
41 – 45	1,012.16	1,297.37	1,744.44	2,163.00
46 – 50	1,228.32	1,573.06	2,117.43	2,624.65
51 – 55	1,661.81	2,125.63	2,869.35	3,560.89
56 – 60	1,879.98	2,414.47	3,264.81	4,049.56
61 – 65*	2,596.02	3,344.28	4,516.21	5,613.48
66 – 70*	4,187.88	5,361.99	7,256.66	9,023.72
71 – 80*	7,393.26	9,472.39	12,836.37	15,967.86
81 – 85*	11,329.51	14,520.00	19,682.07	24,484.03

\*untuk pembaharuan sahaja.

## Jadual Premium Tahunan – Pelan Rider Tradisional

Kelas Pekerjaan I dan II, berdasarkan hari jadi lepas

Umur Tercapai (Tahun)	MGIV 150 (RM)	MGIV 200 (RM)	MGIV 300 (RM)	MGIV 400 (RM)
<b>Lelaki</b>				
0 – 4	735.60	947.73	1,278.00	1,583.46
5 – 19	571.26	733.33	981.00	1,211.23
20 – 25	509.57	654.22	880.48	1,090.05
26 – 30	552.22	706.16	952.81	1,179.07
31 – 35	598.59	765.50	1,030.70	1,275.50
36 – 40	671.55	864.40	1,162.77	1,439.97
41 – 45	733.97	939.82	1,271.79	1,574.08
46 – 50	913.87	1,177.21	1,588.91	1,972.81
51 – 55	1,420.16	1,828.16	2,479.10	3,078.11
56 – 60	1,739.14	2,238.01	3,033.61	3,766.16
61 – 65*	2,286.29	2,943.37	3,988.49	4,955.81
66 – 70*	3,563.20	4,570.14	6,265.29	7,787.97
71 – 80*	6,390.78	8,201.89	11,250.52	13,986.49
81 – 85*	9,947.82	12,770.58	17,504.87	21,764.60
<b>Perempuan</b>				
0 – 4	735.60	947.73	1,278.00	1,583.46
5 – 19	571.26	733.15	980.82	1,211.04
20 – 25	565.44	725.69	970.45	1,198.32
26 – 30	613.88	789.49	1,055.13	1,307.11
31 – 35	678.73	870.39	1,170.77	1,450.64
36 – 40	773.37	987.55	1,327.13	1,644.73
41 – 45	843.47	1,081.14	1,453.70	1,802.50
46 – 50	1,023.60	1,310.88	1,764.52	2,187.21
51 – 55	1,384.85	1,771.36	2,391.12	2,967.41
56 – 60	1,566.65	2,012.06	2,720.68	3,374.63
61 – 65*	2,163.35	2,786.90	3,763.51	4,677.90
66 – 70*	3,489.90	4,468.32	6,047.22	7,519.77
71 – 80*	6,161.05	7,893.66	10,696.98	13,306.55
81 – 85*	9,441.26	12,100.00	16,401.73	20,403.36

\*untuk pembaharuan sahaja.



## Jadual Caj-caj Insurans Bulanan – Pelan Unit-linked Rider

Kelas Pekerjaan I dan II, berdasarkan hari jadi lepas

Umur Tercapai (Tahun)	MGIV 150 (RM)	MGIV 200 (RM)	MGIV 300 (RM)	MGIV 400 (RM)
<b>Lelaki</b>				
0 – 4	51.94	66.91	90.23	111.79
5 – 19	40.33	51.78	69.26	85.51
20 – 25	35.98	46.19	62.16	76.96
26 – 30	38.99	49.86	67.27	83.24
31 – 35	42.26	54.05	72.77	90.05
36 – 40	47.42	61.03	82.09	101.66
41 – 45	51.82	66.35	89.79	111.13
46 – 50	64.52	83.11	112.18	139.28
51 – 55	100.26	129.07	175.02	217.31
56 – 60	122.78	158.00	214.17	265.88
61 – 65*	161.41	207.80	281.58	349.87
66 – 70*	251.56	322.64	442.32	549.81
71 – 80*	451.18	579.03	794.26	987.41
81 – 85*	702.29	901.57	1,235.80	1,536.52
<b>Perempuan</b>				
0 – 4	51.94	66.91	90.23	111.79
5 – 19	40.33	51.76	69.25	85.50
20 – 25	39.92	51.24	68.52	84.60
26 – 30	43.34	55.74	74.49	92.28
31 – 35	47.92	61.45	82.66	102.42
36 – 40	54.60	69.72	93.70	116.12
41 – 45	59.55	76.33	102.63	127.26
46 – 50	72.27	92.55	124.58	154.42
51 – 55	97.77	125.06	168.81	209.49
56 – 60	110.61	142.05	192.08	238.24
61 – 65*	152.73	196.75	265.70	330.25
66 – 70*	246.38	315.46	426.92	530.88
71 – 80*	434.96	557.27	755.18	939.41
81 – 85*	666.53	854.23	1,157.92	1,440.42

\*untuk pembaharuan sahaja.

## Definisi

- 1) “Penyakit Pra-wujud” hendaklah bermaksud Hilang Upaya yang diketahui sewajarnya oleh Hayat yang Diinsuranskan. Hayat yang Diinsuranskan dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:
  - a) Hayat yang Diinsuranskan telah atau sedang menerima rawatan;
  - b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan kepada Hayat yang Diinsuranskan oleh seorang pakar perubatan yang berkelayakan;
  - c) gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
  - d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.
- 2) “Penyakit Tertentu” hendaklah bermaksud Hilang Upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud dalam tempoh 120 hari pertama dari tarikh kuatkuasa perlindungan bagi Hayat yang Diinsuranskan:
  - a) Hipertensi, diabetes melitus dan Penyakit Kardiovaskular
  - b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari
  - c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak
  - d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele
  - e) Endometriosis termasuk Penyakit sistem Pembinaan
  - f) Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut.
- 3) “Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan” hendaklah bermaksud bayaran rawatan perubatan yang Perlu Dari Segi Perubatan, yang dianggap munasabah dan biasa diamalkan selagi bayaran itu tidak melebihi had biasa bayaran yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya di tempat bayaran itu dikenakan, apabila memberikan rawatan, khidmat atau bekalan seumpamanya atau yang serupa kepada individu dengan jantina yang sama dan kategori umur yang sama untuk Sakit, Penyakit atau Kecederaan serta selaras dengan piawai dan amalan perubatan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Hayat yang Diinsuranskan.



- 4) “Perlu Dari Segi Perubatan” hendaklah bermaksud khidmat perubatan yang:
  - a) selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi hilang upaya yang dilindungi, dan
  - b) menurut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, dan juga dengan faedah kesihatan yang sah, dan
  - c) bukan untuk kemudahan Hayat yang Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat diperolehi sewajarnya di luar Hospital (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam) dan
  - d) bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan, dan
  - e) yang bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa diamalkan bagi hilang upaya itu.

### Nota Penting

- 1) Risalah ini bertujuan untuk membantu anda membuat penilaian yang baik mengenai ciri-ciri asas dan penting Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK) polisi supaya anda boleh membuat keputusan yang baik sebelum membelinya. Anda dinasihati merujuk Kontrak Polisi untuk keterangan terperinci mengenai ciri-ciri penting insurans kesihatan pelan ini sebelum membelinya.
- 2) Anda patut memastikan bahawa maklumat penting berkenaan dengan pelan ini dikemukakan dan anda memahami maklumat tersebut. Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan, sila mendapatkan penjelasan/penerangan daripada Syarikat ataupun agen Syarikat. Untuk mendapatkan maklumat lanjut insurans perubatan, sila rujuk kepada risalah pendidikan pengguna tentang insurans perubatan dan kesihatan yang boleh didapati di kebanyakan cawangan syarikat insurans dan takaful. Anda juga boleh layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) untuk maklumat lanjut.
- 3) Sila rujuk pada senarai semak Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK) yang dilampirkan untuk memastikan anda telah mendapat maklumat penting berkenaan pelan kesihatan yang anda bercadang untuk dapatkan.
- 4) Sebelum anda membuat keputusan untuk membeli pelan Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK), anda harus berpuas hati terlebih dahulu yang pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang anda mampu.
- 5) HLA MedGLOBAL IV bukanlah polisi simpanan. Sekiranya anda ingin membatalkannya, anda tidak akan menerima sebarang bayaran balik.

**Penting:** Risalah ini hanya untuk informasi ringkas dan tidak bertujuan menjadi polisi insurans atau kontrak insurans asas. Sila dapatkan naskah polisi insurans kami tentang syarat-syarat tertentu, peraturan dan pengecualian perlindungan. Maklumat yang terkandung dalam risalah ini mungkin akan dipinda tanpa diberitahu terlebih dahulu. Sekiranya berlaku kekeliruan berhubung dengan terjemahan Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina di dalam risalah ini, segala syarat yang termaktub dalam Bahasa Inggeris akan dikuatkuasakan.

## Senarai Semakan

Senarai semakan ini adalah panduan kepada anda untuk mendapatkan penerangan mengenai ciri-ciri penting sesuatu pelan Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK) supaya anda boleh membuat keputusan berpengetahuan sebelum membeli sesuatu polisi. Apabila terdapat keraguan atau di mana terdapat kekaburan, anda adalah dinasihatkan supaya mendapatkan penjelasan/penerangan lanjut dari Syarikat ataupun ejen Syarikat.

- 1) Buku risalah “Pengenalan kepada Produk Insurans Perubatan dan Kesihatan” yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai asas-asas Insurans Perubatan dan Kesihatan (IPK).
- 2) Dokumen polisi untuk maklumat penting yang terperinci berkenaan dengan polisi yang dibeli.
- 3) Tempat di mana butiran ciri-ciri penting boleh didapati.
- 4) Faedah yang dibayar di bawah polisi ini.
- 5) Pengecualian perubatan atau teknikal yang penting atau sekatan.
- 6) Had-had keatas faedah (contoh % kos yang dilindungi di bawah polisi, bayaran bersama, maksimum jumlah kos tuntutan dan pendeduksian).
- 7) Jumlah premium yang akan dibayar dan tempoh pembayaran.
- 8) Sifat dan setakat mana hak syarikat untuk menilai dan menyemak premium yang perlu dibayar dan notis yang akan diberikan oleh syarikat sekiranya terdapat sebarang penyemakan.
- 9) Penyakit Pra-wujud, Penyakit Tertentu yang khusus dan tempoh kelayakan dan jangkamasa relevan yang berkenaan.
- 10) Untuk polisi pembaharuan tahunan, sama ada pembaharuan polisi adalah terjamin.
- 11) Keadaan-keadaan berkemungkinan yang akan menyebabkan senario-senario berikut semasa pembaharuan polisi:
  - a) Sesuatu polisi yang diperbaharui dengan premium setara;

- b) Sesuatu polisi yang diperbaharui dengan kadar premium yang dinaikkan; atau
  - c) Sesuatu polisi yang tidak diperbaharui.
- 12) Kemungkinan adanya implikasi akibat penukaran polisi dari satu syarikat insurans kepada yang lain atau pemindahan dari satu jenis pelan IPK kepada yang lain.
  - 13) “Tempoh Pertimbangan Percuma” selama 15 hari diberi untuk mempertimbangkan kesesuaian pelan IPK yang anda baru beli. Jika anda memulangkan produk ini kepada syarikat insurans dalam tempoh ini, premium penuh akan dikembalikan kepada pemunya polisi selepas menolak bayaran pemeriksaan perubahan.
  - 14) Hak syarikat insurans untuk menolak liabiliti sekiranya anda gagal mendedahkan maklumat relevan yang akan menjejaskan keputusan syarikat insurans untuk menerima atau menolak risiko, dan ke atas premium serta syarat yang akan dikenakan kepada anda.

**Hong Leong Assurance Berhad (94613-X)****Head Office / 总行 / Ibu Pejabat**

Level 26, Menara HLA, 3 Jalan Kia Peng, 50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-7650 1818; Fax: 03-7650 1881; Website: [www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)**North / 北马 / Utara****Alor Setar**No. 1544, Jalan Sultan Badlishah,  
05000 Alor Setar, Kedah  
Tel : 04-734 6499  
Fax : 04-734 9592**Bukit Mertajam**No. 2, Lorong Usahaniaga Satu,  
Taman Usahaniaga, 14000 Bukit Mertajam  
Tel : 04-537 5677  
Fax : 04-537 5688**Ipoh**No. 1 & 3, Persiaran Greentown 4,  
Pusat Perdagangan Greentown,  
30450 Ipoh, Perak  
Tel : 05-241 8064, 05-253 2702  
Fax : 05-242 2685**Pulau Pinang**Bangunan HLA, 17 Leboh Bishop,  
10200 Pulau Pinang  
Tel : 04-262 3678, 04-262 3677,  
04-263 8980, 04-263 6293  
Fax : 04-262 1011, 04-264 3791**Sungai Petani**No. 9C, Jalan Kampung Baru,  
08000 Sg. Petani, Kedah  
Tel : 04-422 3602, 04-425 2451  
Fax : 04-425 0250**Central / 中马 / Malaysia Tengah****Klang**No. 1, Lorong Tiara 1B, Bandar Baru Klang,  
41150 Klang, Selangor  
Tel : 03-3342 0877, 03-3342 0878,  
03-3344 9093  
Fax : 03-3342 0879**Kuala Lumpur**12A Floor, Wisma MPL, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2148 2626  
Fax : 03-2732 1928**Petaling Jaya**Unit 401C, Tower C, Uptown 5,  
5, Jalan SS21/39, Damansara Uptown,  
47400 Petaling Jaya  
Tel : 03-7718 7000  
Fax : 03-7729 0500**Seremban**No. 100 & 101, Jalan Toman 5, Kemayan Square,  
70200 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel : 06-761 0595  
Fax : 06-767 0784**East Coast / 东海岸 / Pantai Timur****Kota Bharu**PT225, Jalan Kebun Sultan,  
15300 Kota Bharu, Kelantan  
Tel : 09-743 3001  
Fax : 09-748 5578**Kuantan**Tingkat 1 & 2, B28, Lorong Tun Ismail 1,  
25000 Kuantan, Pahang  
Tel : 09-513 0288, 09-514 8587  
Fax : 09-513 8378**South / 南马 / Selatan****Melaka**No. 2A & 6, Jalan PPM2,  
Plaza Pandan Malim Business Park,  
Balai Panjang, 75250 Melaka  
Tel : 06-336 3553  
Fax : 06-336 8552**Batu Pahat**No. 35, Jalan Kundang, Taman Bukit Pasir,  
83000 Batu Pahat, Johor  
Tel : 07-432 1959, 07-432 2021,  
07-432 2029  
Fax : 07-432 2330**Johor Bahru**18th Floor (Unit No.18.01 & 18.02),  
Wisma LKN, 49, Jalan Wong Ah Fook,  
80000 Johor Bahru, Johor  
Tel : 07-224 7193  
Fax : 07-224 3240, 07-227 1443**Kluang**No. 7, Bangunan HLA, Jalan Yayasan,  
86000 Kluang, Johor  
Tel : 07-771 9077, 07-771 9707  
Fax : 07-772 4345**Pontian**No. 662, Jalan Taib,  
82000 Pontian, Johor  
Tel : 07-686 2192  
Fax : 07-686 2331**East Malaysia / 东马 / Malaysia Timur****Kota Kinabalu**Lot 4.0, Ground Floor,  
Lorong Lintas Plaza 1,  
Lintas Plaza, Jalan Lintas,  
88300 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel : 088-223 518, 088-223 528  
Fax : 088-223 530**Kuching**2nd & 3rd Floor, 22B & 22C,  
Jalan Rubber, Lots 342 & 343, Section 9,  
93400 Kuching, Sarawak  
Tel : 082-413 975, 082-416 075  
Fax : 082-257 948**Miri**Lot 942, Ground Floor, Jalan Parry,  
98000 Miri, Sarawak  
Tel : 085-419 805, 085-419 806,  
085-419 808  
Fax : 085-420 802**Sibu**Tingkat 2, No. 133, 135 & 137,  
Jalan Kampong Nyabor,  
96000 Sibu, Sarawak  
Tel : 084-345 630, 084-345 631  
Fax : 084-335 673

For further information, call our friendly HLA agent today.